

Akta akan disemak pastikan harmoni agama kekal terpelihara

► ZULAIQAH ABDUL RAHIM
zulabr@sph.com.sg

SINGAPURA akan mengemaskinikan Akta Mengelakkan Keharmonian Agama (MRHA) bagi memastikan keharmonian antara agama di sini terus kekal terpelihara.

Langkah itu supaya Singapura dapat menangani ancaman masa kini dan cabaran masa depan dalam dunia yang pesat berubah.

Demikian menurut Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, semasa berucap di forum mengenai agama, fahaman ekstrem dan politik identiti anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) dan Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA) di Hotel Orchard semalam.

Di forum tersebut, beliau berkata pemerintah mahu mengambil kira pandangan pihak-pihak berkepentingan termasuk rakyat dalam usaha mengemaskini MRHA.

“Kami (pemerintah) telah mengadakan perbincangan meluas dengan pemimpin dan kumpulan agama yang berbeza.

“Mereka semua sejajar, mereka semua setuju, secara umumnya, dengan arah yang kami ingin ambil,” katanya.

MRHA, yang dibentangkan pada 1990 dan dikuatkuasa pada 1992, dibina atas asas mengasingkan agama dan politik.

Salah satu aspek utama undang-undang adalah memberi rangka hukuman bagi mereka yang meluahkan kenyataan menghina agama.

“Kita mesti dapat menanganinya (kenyataan menghina agama) dengan berkesan dalam arena maklumat yang moden,” kata Encik Shanmugam.



BINCANG ISU: Encik Shanmugam (kanan) bersama Encik Bilahari di sesi dialog bersama menteri di forum mengenai agama, fahaman pelampau dan politik identiti Institut Pengajian Dasar (IPS) dan Kementerian Ehwal Dalam Negeri semalam. – Foto BH oleh JASON QUAH

Beliau turut menyentuh perubahan dunia dengan wujudnya media sosial seperti Facebook dan Twitter, di mana maklumat yang dikongsi di laman-laman tersebut boleh menular dalam hanya beberapa saat sahaja.

MRHA juga bertujuan untuk menghalang sesiapa daripada menggunakan agama sebagai alat dalam politik.

Beliau berkata undang-undang itu harus dikemaskini untuk “memastikan ia difahami, diterima oleh penduduk, supaya mereka dapat memahami sebab kami memerlukannya. Kami mengambil sedikit masa dan terdapat juga Kertas Putih serta banyak

merintah telah melakukan banyak usaha untuk memastikan undang-undang itu difahami dengan baik oleh rakyat Singapura ketika ia diluluskan pada 1990 dan dibentangkan bersama Kertas Putih.

Pendekatan yang sama akan diamalkan ini.

“Kami telah mengambil pelbagai langkah sejak 30 tahun lalu untuk memastikan ia difahami, diterima oleh penduduk, supaya mereka dapat memahami sebab kami memerlukannya. Kami mengambil sedikit masa dan terdapat juga Kertas Putih serta banyak

perbincangan di sekitarnya,” tambahnya.

“Kami telah berbincang dengan kumpulan agama, pemimpin agama, dan pihak yang berkepentingan yang juga merupakan penduduk negara ini.

“Kita akan membentangkan apa yang dibincangkan dan akhirnya ia akan dibincangkan di Parlimen. Melihat trend di rantau ini dan serata dunia, langkah ini cukup penting agar kita kekal relevan dalam aliran semasa.”

Semasa sesi panel pada awal forum itu, profesor pengajian keselamatan Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Profesor Rohan Chin.

Gunaratna, berkata Sri Lanka sedang dalam proses memperkenalkan undang-undang bermodelkan MRHA.

Dalam sesi berasingan yang membincangkan topik agama, politik dan pilihan raya, Pengerusi Institut Timur Tengah di Universiti Nasional Singapura, Encik Bilahari Kausikan pulak membuat beberapa permerhatian tentang pengaruh agama, budaya asing ke atas budaya setempat.

Antara penceramah lain dalam panel perbincangan forum itu ialah Pengarah Institut Asia Tasmania Universiti Tasmania, Australia, Profesor James Chin.